

TAWARAN SAHAM PEKERJA SAINT-GOBAIN RISALAH TAMBAHAN TEMPATAN UNTUK MALAYSIA

Saint-Gobain akan menjalankan tawaran sahamnya dibawah tawaran saham pekerja, tertakluk kepada keputusan pengerusi dan CEO Saint-Gobain yang akan dibuat pada 23 Mac 2026. Di bawah adalah ringkasan mengenai syarat-syarat tawaran yang dijangka, maklumat mengenai tawaran tempatan dan maklumat utama tentang kecukuaian mengenai tawaran ini.

*PENAFIAN: DOKUMEN INI ADALAH UNTUK KEGUNAAN DI DALAM MALAYSIA SAHAJA DAN UNTUK PEKERJA ANAK SYARIKAT MALAYSIA YANG BERADA DI DALAM KUMPULAN SAINT-GOBAIN (“**PEKERJA YANG BERKELAYAKAN**”) DAN TIDAK BOLEH DIHASILKAN SEMULA, DIGUNAKAN ATAU DIPINDAHKAN KEPADA PEKERJA YANG TIDAK BERKELAYAKAN.*

Ringkasan Tawaran

untuk dibaca dengan risalah pekerja dan borang langganan

Peningkatan modal saham yang dikhaskan untuk pekerja

Saham Saint-Gobain adalah dijangka ditawarkan kepada pekerja-pekerja kumpulan syarikat Saint-Gobain yang berkelayakan, menurut peningkatan modal yang dikhaskan untuk pekerja-pekerja tersebut. Untuk negara ini, tawaran saham kepada pekerja-pekerja kumpulan syarikat Saint-Gobain ini ditawarkan sebagai pelan “klasik”.

Jika bilangan saham yang diminta melebihi saham yang ditawarkan, bilangan saham yang diminta akan dikurangkan. Dalam keadaan ini, setiap peserta akan dimaklumkan secara peribadi.

Kelayakan

Semua pekerja Saint-Gobain dan pekerja-pekerja anak syarikat majoriti milikan Saint Gobain secara langsung atau tidak langsung, tertakluk kepada syarat perkhidmatan minimum selama tiga bulan. Tempoh tiga bulan tersebut adalah sama ada atas dasar berterusan ataupun tidak berterusan. Tempoh perkhidmatan yang tidak berterusan dikira dari 1 Januari 2025 hingga hari terakhir tempoh langganan (mengadaikan pekerja tersebut adalah masih bekerja dengan Saint-Gobain pada hari tersebut).

Tempoh Langganan

Tempoh langganan dijangka akan bermula pada 23 Mac 2026 dan berlangsung sehingga 07 Apr 2026 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut). Untuk menyertai tawaran ini, anda perlu membuat langganan selewat-lewatnya pada 07 Apr 2026.

Harga Langganan

Harga langganan untuk saham Saint-Gobain adalah dengan 20% diskaun daripada “harga rujukan”. Harga rujukan adalah berdasarkan harga bukaan saham purata Saint-Gobain dalam 20 hari dagangan sebelum tarikh keputusan untuk menentukan harga, yang dijangkakan pada 23 Mac 2026.

Langganan anda hendaklah dibuat dalam mata wang tempatan, iaitu Ringgit Malaysia ("**RM**").

Sepanjang tempoh pelaburan anda, nilai saham yang dilanggan melalui FCPE akan dipengaruhi oleh pergolakan kadar pertukaran mata wang antara Euro dan RM. Oleh itu, sekiranya nilai Euro mengukuh berbanding dengan RM, nilai saham tersebut yang dinyatakan dalam RM akan meningkat. Sebaliknya, jika nilai Euro merosot berbanding dengan RM, nilai saham tersebut dalam RM, akan menurun.

Caruman majikan

Majikan anda akan mencarum kepada pelaburan anda dengan jumlah tambahan yang berkadar seperti berikut:

Majikan anda akan mencarum saham yang sepadan kepada pekerja-perkerja yang menyertai tawaran saham pekerja Saint-Gobain berdasarkan formula berikut:

Caruman pekerja	Caruman majikan yang sepadan	Caruman padanan maksima
RM0 – RM2,500	50%	RM1,250
RM2,500 – RM12,000	35%	RM3,325
RM12,000 – RM20,000	20%	RM1,600
RM20,000 – RM45,000	5%	RM1,250
Jumlah (Caruman padanan maksima)		RM7,425

Jumlah caruman maksima yang akan diberikan oleh majikan anda kepada langganan saham Saint-Gobain anda ialah RM7,425.

Had pelaburan anda

Jumlah maksima yang anda boleh melaburkan ialah 25% daripada gaji tahunan kasar (termasuk bonus) untuk 2025 atau anggaran gaji kasar tahunan semasa untuk tahun 2026.

Kaedah pembayaran

Pembayaran perlu dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Anda boleh membuat pembayaran dengan mana-mana kaedah seperti berikut:

- (a) Pembayaran tunai yang dikehendaki dibuat melalui pindahan wang melalui bank. Anda boleh membuat bayaran tunggal untuk keseluruhan jumlah langganan kepada majikan anda selewat-lewatnya pada 07 Apr 2026 ("**Kaedah Pembayaran 1**");
- (b) Pendahuluan gaji*. Majikan anda akan memberikan gaji pendahuluan tanpa faedah kepada anda untuk melanggan saham Saint-Gobain dan anda akan membayar balik pendahuluan gaji tersebut dalam sembilan (9) bayaran ansuran dengan potongan gaji bulanan bermula pada bulan April 2026 dan berakhir pada bulan Disember 2026 ("**Kaedah Pembayaran 2**"); atau

- (c) Campuran kedua-dua kaedah di atas**. Anda akan membuat sebahagian bayaran dengan tunai dan baki jumlah melalui pendahuluan gaji tanpa faedah yang diberikan oleh majikan tempatan anda. Anda perlu membayar balik pendahuluan gaji melalui sembilan (9) bayaran ansuran dengan potongan gaji bulanan bermula pada bulan April 2026 dan berakhir pada bulan Disember 2026 (“**Kaedah Pembayaran 3**”).

* Jika anda memilih Kaedah Pembayaran 2, sila mengambil perhatian bahawa pendahuluan gaji yang akan diberikan oleh anak syarikat Saint-Gobain di Malaysia (secara kolektif, “**Anak Syarikat Malaysia Saint-Gobain**”) akan dihadkan pada amaun gaji anda untuk Februari 2026 (gaji seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Kerja 1955 Malaysia (“**EA**”). Oleh itu, anda hendaklah memastikan bahawa jumlah langganan yang akan dibiayai melalui pendahuluan gaji mestilah dihadkan kepada amaun gaji anda untuk Februari 2026.

Sebagai ilustrasi, jika gaji Pekerja X untuk Februari 2026 adalah RM1,000, pendahuluan gaji maksimum yang boleh diberikan ialah RM1,000. Oleh itu, Pekerja X hanya boleh melanggan sehingga jumlah RM1,000 menggunakan kaedah pembayaran ini. Jika Pekerja X ingin melanggan amaun melebihi RM1,000, mereka perlu memilih Kaedah Pembayaran 1 atau Kaedah Pembayaran 3.

** Jika anda memilih Kaedah Pembayaran 3, sila mengambil perhatian bahawa pendahuluan gaji yang akan diberikan oleh Anak Syarikat Malaysia Saint-Gobain akan dihadkan pada amaun gaji anda untuk Februari 2026 (gaji seperti yang ditakrifkan di bawah EA), dengan sebarang baki bayaran langganan yang tidak akan dibayari dengan pendahuluan gaji perlu dibayari selewat-lewatnya pada 07 Apr 2026 (iaitu, dengan gabungan pendahuluan gaji dan bayaran tunai). Kegagalan untuk membuat pembayaran pendahuluan ini akan dianggap sebagai keingkaran, dan Saint-Gobain dan / atau Anak Syarikat Saint-Gobain Malaysia boleh, tertakluk kepada mana-mana undang yang terpakai, melaksanakan sebarang langkah pemulihan yang sesuai. Oleh itu, anda hendaklah memastikan jumlah langganan yang dibiayai oleh pendahuluan gaji yang diberikan adalah terhad kepada amaun gaji anda untuk Februari 2026.

Sebagai ilustrasi:

- Gaji Pekerja X untuk Februari 2026 adalah RM1,000 dan Pekerja X ingin melanggan sejumlah RM1,500.
- Pendahuluan gaji maksimum yang boleh diberikan ialah RM1,000. Pekerja X mesti membuat bayaran tunai untuk baki RM500 selewat-lewatnya pada 07 Apr 2026.

Had pelaburan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia untuk individu pemastautin di Malaysia

Sila ambil perhatian bahawa Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("**BNM**") menetapkan had ke atas pelaburan asing (yang termasuk pelaburan dalam tawaran saham pekerja yang dibuat oleh penerbit asing) yang dibuat oleh individu pemastautin (iaitu, dalam kes ini, pekerja Anak Syarikat Malaysia Saint-Gobain). Had pelaburan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) individu pemastautin tanpa peminjaman Ringgit domestik dibenarkan untuk melakukan pelaburan asing dalam sebarang jumlah;
- (b) individu pemastautin dengan peminjaman Ringgit domestik dibenarkan untuk melakukan pelaburan asing sehingga RM1 juta bersamaan secara agregat setiap tahun kalendar menggunakan, antara lain, dana mata wang asing yang diperolehi daripada penukaran Ringgit. Pelaburan yang melebihi had ini memerlukan kelulusan BNM; dan
- (c) individu pemastautin dengan peminjaman Ringgit domestik dibenarkan untuk melakukan pelaburan asing sehingga RM10 juta bersamaan dalam agregat pinjaman mata wang asing yang diperolehi oleh pemastautin bank tempatan berlesen atau bukan pemastautin. Pelaburan yang melebihi had ini memerlukan kelulusan BNM.

Anda, dan bukan majikan anda mahupun Saint-Gobain, akan memikul tanggungjawab muktamad untuk memastikan bahawa pelaburan anda tidak melebihi had pelaburan asing tersebut sebelum anda menyertai tawaran.

Penjagaan saham anda

Saham anda akan dipegang untuk anda melalui suatu kenderaan pegangan saham kolektif, dikenali sebagai *Fonds Commun de Placement d'Entreprise* atau FCPE, yang biasa digunakan di Perancis bagi tujuan pemegangan saham bagi pelabur-pelabur pekerja. Pelaburan anda akan dipegang di dalam petak "Saint-Gobain Avenir Monde" dari FCPE "Saint-Gobain PEG Monde". Anda akan diberikan unit-unit dalam FCPE yang sepadan dengan saham yang anda telah langgani.

Pelaburan anda akan tertakluk kepada tempoh penguncian selama lima tahun

Disebabkan faedah-faedah yang diberikan untuk tawaran ini, pelaburan anda akan tertakluk kepada tempoh penguncian selama lebih kurang lima tahun (berakhir pada 1 Mei 2031) di mana dalam tempoh tersebut anda tidak boleh menebus pelaburan anda kecuali anda layak untuk peristiwa pelepasan awal (sila rujuk kepada "Peristiwa pelepasan awal" di bawah).

Peristiwa pelepasan awal

Anda boleh meminta untuk menebus pelaburan anda sepanjang tempoh penguncian yang tersebut di atas sekiranya keadaan di bawah menimbul sahaja:

1. perkahwinan;
2. kelahiran atau pengangkatan anak yang ketiga atau lebih;
3. perceraian jika hak penjagaan sekurang-kurangnya seorang anak dikekalkan;
4. kehilangan upaya pekerja, anak atau pasangannya;
5. kematian pekerja atau pasangannya;
6. penamatan kontrak pekerjaan;
7. pertubuhan perniagaan yang tertentu oleh pekerja, anak atau pasangannya;
8. pekerja memerlukan jumlah yang dilaburkan untuk pemerolehan atau mengembang kediaman utamanya;
9. keganasan rumah tangga yang dilakukan terhadap pekerja oleh pasangannya atau bekas pasangannya;
10. penggunaan hasil untuk kerja-kerja pengubahsuaian kecetakan tenaga di kediaman utama; dan
11. pembelian kenderaan elektrik dan/atau berkuasa hydrogen.

Peristiwa-peristiwa pelepasan awal di atas adalah yang diizinkan oleh undang-undang Perancis dan harus ditafsirkan dan digunakan dengan cara yang selaras dengan undang-undang Perancis. Sebelum bergantung atau mencuba untuk bergantung pada mana-mana satu peristiwa pelepasan awal ini, anda perlu berunding dengan majikan anda untuk memastikan bahawa situasi anda memenuhi semua keperluan di bawah undang-undang Perancis.

Pekerja-pekerja hendaklah mengemukakan permohonan untuk penebusan dalam masa enam bulan selepas kejadian peristiwa pelepasan awal, kecuali sekiranya berlakunya kematian, kehilangan upaya, keganasan rumah tangga yang dilakukan terhadap pekerja atau penamatan kontrak pekerjaan anda (dalam kes ini, permohonan boleh dibuat pada bila-bila masa). Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pejabat sumber manusia anda.

Dividen

Sebarang dividen yang dibayar berkenaan dengan saham Saint-Gobain yang dilanggan, asalkan saham-saham ini kekal di dalam FCPE, akan dilaburkan semula oleh FCPE untuk saham tambahan Saint-Gobain. Dividen ini tidak akan dibayar kepada pekerja. Dividen ini yang dilaburkan semula akan menghasilkan pengeluaran unit-unit tambahan (atau pecahan unit-unit) kepada anda. Saham yang dilanggan dalam pelan tahun 2026 ini akan layak untuk menerima dividen yang akan

diagihkan pada tahun 2027 dan tahun-tahun berikutnya (mereka tidak akan layak menerima dividen yang dibayar pada 2026 bagi tahun 2025).

Hak mengundi

Selagi saham anda dipegang oleh FCPE, hak-hak mengundi berkenaan dengan saham tersebut akan dilaksanakan oleh lembaga penyeliaan FCPE bagi pihak pekerja.

Penebusan

Pelaburan anda akan tersedia selepas tempoh penguncian kira-kira lima tahun, atau lebih awal sekiranya anda layak untuk pelepasan awal. Pada masa itu, anda boleh memohon untuk menebuskan pelaburan anda (dengan tunai atau dengan saham Saint-Gobain) atau anda boleh berterus memegang saham anda melalui FCPE, di mana selepas itu anda boleh menebuskan pelaburan anda pada bila-bila masa.

Maklumat Percukaian untuk Pekerja Bermastautin di Malaysia

Ringkasan ini memperuntukkan prinsip umum yang terpakai kepada pekerja yang bermastautin di Malaysia untuk tujuan undang-undang percukaian Malaysia, tetapi tidak mungkin terpakai kepada semua situasi. Ringkasan ini diberikan untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak harusnya digantung pada sebagai maklumat lengkap dan muktamad. Untuk mendapatkan nasihat muktamad, pekerja haruslah meminta nasihat daripada perunding cukai mereka tentang akibat-akibat cukai berkenaan dengan penyertaan dalam tawaran saham pekerja Saint-Gobain.

Akibat-akibat cukai yang disenaraikan di bawah ini diperuntukkan menurut undang-undang cukai Malaysia dan amalan cukai, kesemuanya terpakai pada masa tawaran ini. Undang-undang dan amalan-amalan ini berkemungkinan akan berubah dari semasa ke semasa.

A. Cukai di Perancis

Anda tidak akan tertakluk kepada cukai atau caj keselamatan sosial di Perancis pada masa langganan. Di bawah undang-undang Perancis yang terpakai pada masa ini, asalkan pelaburan anda dipegang melalui petak FCPE klasik dan petak ini melabur semula dividen yang diagih oleh Saint-Gobain, anda tidak akan tertakluk kepada cukai atau caj keselamatan sosial di Perancis. Sebarang keuntungan yang direalisasikan daripada pelaburan anda tidak akan tertakluk kepada cukai atau caj keselamatan sosial di Perancis.

B. Cukai di Malaysia

Selepas langganan

Cukai pendapatan akan dikenakan apabila manfaat cukai diperolehi daripada skim saham (iaitu, apabila manfaat itu dianggap terakru selepas penghantaran saham langganan dan sumbangan sepadan masing-masing). Tiada caj keselamatan sosial akan dikenakan.

Berkenaan dengan saham langganan, anda akan dikehendaki membayar cukai ke atas manfaat yang boleh dikenakan cukai apabila manfaat telah terakru daripada pembelian saham Saint-Gobain ("**Saham**"), iaitu pada tarikh penyerahan saham. Diskaun ke atas nilai pasaran Saham (iaitu, perbezaan di antara nilai pasaran Saham tersebut dan harga langganan) akan dianggap sebagai sesuatu manfaat yang boleh dikenakan cukai dan akan tertakluk kepada cukai pendapatan. Nilai pasaran Saham merupakan nilai yang lebih rendah antara nilai pasaran Saham pada hari pertama tempoh langganan dan nilai pasaran Saham pada hari pembelian berkuatkuasa Saham (iaitu, hari terakhir tempoh langganan) dan dalam konteks ini, nilai pasaran bermaksud harga purata Saham yang ditentukan dengan purata harga tertinggi dan harga terendah Saham pada tarikh yang berkaitan.

Di samping itu, kerana anda tidak perlu membayar sebarang balasan untuk sumbangan sepadan, jumlah caruman yang sepadan yang anda terima daripada majikan akan menjadi sebahagian daripada manfaat yang boleh dikenakan cukai dan akan tertakluk kepada cukai pendapatan apabila caruman yang sepadan itu diterima oleh FCPE. Manfaat yang boleh dikenakan cukai ialah nilai pasaran penuh Saham yang didarab dengan bilangan Saham yang sepadan yang diberikan kepada anda hasil daripada sumbangan sepadan.

Dalam menentukan tarikh pembelian Saham, memandangkan bahawa langganan Saham di Malaysia hanya berkuat kuasa pada hari terakhir tempoh langganan (iaitu, 30 Mac 2026), tidak kira bila borang langganan diserahkan atau bila pembayaran untuk saham diremitkan, tarikh pembelian saham tetap adalah hari terakhir tempoh langganan.

Kadar cukai yang dikenakan ke atas pekerja bermastautin di Malaysia untuk pembelian saham dan pemberian jumlah sepadan akan ditaksirkan berdasarkan skala bersengat di antara 0% hingga 30% maksimum berdasarkan pendapatan perkerja bermastautin yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran relevan tersebut. Individu-individu bukan pemastautin tertakluk kepada cukai pada kadar tetap 30% atas pendapatan yang berpunca dari Malaysia. Sesuata individu akan dikira sebagai pemastautin cukai sekiranya dia berada di Malaysia sekurang-kurangnya 182 hari dalam tahun taksiran tersebut.

Majikan anda bertanggungjawab untuk menahan cukai pendapatan yang perlu dibayar daripada gaji anda pada bulan di mana peristiwa bercukai itu berlaku mengikut Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994, selain daripada anda telah membuat pilihan bertulis kepada majikan anda untuk membayar cukai pendapatan sendiri pada masa langganan. Kewajipan tersebut dianggap berlaku apabila faedah bercukai dianggap terakru, yang pada umumnya atas penyerahan Saham langganan dan sumbangan padanan (iaitu, peningkatan modal) untuk tujuan penawaran ini.

Dividen

Dividen pada masa ini dikecualikan daripada cukai jika ia diperolehi dari luar Malaysia. Pengecualian ini hanya terpakai kepada individu, syarikat dan perkongsian liabiliti terhad. Tiada caj keselamatan sosial akan dikenakan.

Selepas penebusan

Anda tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia mengenai keuntungan, jika ada, yang direalisasikan daripada penebusan unit-unit anda, dan jualan Saham (melainkan anda berada dalam perniagaan membeli dan menjual sekuriti). Anda juga tidak akan tertakluk kepada cukai keuntungan modal. Cukai automatik pada penghujung tempoh lokap lima tahun tidak akan dikenakan sekiranya anda memilih untuk mengekalkan pelaburan dalam FCPE. Tiada caj keselamatan sosial akan dikenakan.

Layanan cukai ke atas pendahuluan gaji

Jika anda telah memilih Kaedah Pembayaran 2 atau Kaedah Pembayaran 3, di mana majikan anda memberikan bantuan kewangan kepada anda untuk langganan Saham, dan jika bantuan kewangan tersebut dibayar balik melalui potongan gaji dalam tempoh 9 bulan, anda akan dianggap telah mendapat manfaat daripada pendahuluan gaji tanpa faedah daripada majikan anda.

Jika pendahuluan gaji dibuat daripada dana dalaman majikan anda, pendahuluan gaji tersebut tidak akan menjana sebarang faedah yang boleh dikenakan cukai untuk anda

kerana tiada faedah akan dikenakan ke atas anda walaupun anda telah memperoleh faedah kewangan daripada pendahuluan gaji yang diberikan.

Jika pendahuluan gaji tidak dibuat daripada dana dalaman majikan anda, cukai akan dikenakan apabila pendahuluan gaji diterima oleh anda. Selaras dengan Peraturan Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994, cukai berkaitan dengan sebarang faedah yang boleh dikenakan cukai yang anda terima akan ditolak oleh majikan anda daripada gaji anda pada bulan pendahuluan gaji diterima oleh anda. Anda akan dikenakan cukai ke atas perbezaan antara kadar faedah yang dikenakan kepada majikan anda dan kadar faedah yang dikenakan kepada anda. Kadar cukai yang dikenakan adalah seperti yang dinyatakan di atas.

LAIN-LAIN

Kewajipan Pelaporan

Menurut Sistem Taksir Sendiri, semua pembayar cukai bertanggungjawab untuk menilai dan membayar cukai yang terhutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("**LHDN**"). Anda hendaklah memastikan bahawa sebarang manfaat yang boleh dikenakan cukai yang anda terima di bawah tawaran ini, berkenaan dengan diskaun ke atas Saham langganan dan sumbangan padanan, adalah dilaporkan dengan tepat dalam borang cukai pendapatan anda untuk diserahkan setiap tahun kepada LHDN berkenaan dengan tahun taksiran sebelumnya di mana faedah bercukai timbul (iaitu, Borang BE untuk individu pemastautin yang tidak menjalankan perniagaan, Borang B untuk individu pemastautin yang menjalankan perniagaan dan Borang M untuk individu bukan pemastautin).

Majikan anda juga dikehendaki mengemukakan dokumen berikut kepada LHDN:

- (a) Lampiran A kepada Ketetapan Umum No. 11/2012 yang dikeluarkan oleh LHDN (Borang BT/MSSP/2012) untuk memaklumkan pelan saham kepada LHDN supaya LHDN boleh mengesahkan bagaimana faedah bercukai yang timbul daripada pelan itu boleh dikira oleh majikan; dan
- (b) Nama pekerja yang telah melaksanakan hak mereka di bawah pelan dengan mengemukakan suatu Lampiran C kepada Ketetapan Umum No. 11/2012 yang lengkap apabila faedah bercukai ditentukan pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari tahun kalendar berikutnya selepas tahun faedah bercukai timbul.

Majikan anda juga dikehendaki melaporkan faedah bercukai yang timbul daripada tawaran dalam pulangan saraan tahunan pekerja (Borang EA) untuk tahun di mana faedah bercukai itu timbul.

* * *